

Sijil Skim Domestic Servant Takaful

PENDAHULUAN

Takaful ialah skim bantuan bersama berdasarkan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana para Peserta seperti Anda bersetuju untuk saling membantu satu sama lain dari segi kewangan bagi keperluan tertentu. Dengan niat ini, para Peserta membayar Sumbangan mereka berdasarkan Tabarru' (derma) kepada Dana Takaful Am (Dana) yang diuruskan oleh Etiqa General Takaful Berhad (Pengendali Takaful). Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada para Peserta dibayar daripada Dana tersebut berdasarkan konsep Tabarru'.

Sebagai Pengendali Takaful, Kami bertanggungjawab memilih para Peserta serta menentukan dan mengumpulkan Sumbangan. Kami juga bertanggungjawab untuk melaburkan Dana dan membayar Manfaat kepada para Peserta yang berhak. Semua hasil daripada pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta di mana bahagian sumbangan Tabarru' diletakkan untuk tujuan Takaful. Hubungan antara Anda dan Kami ditadbir oleh kontrak Wakalah (perwakilan).

Lebih dari Dana akan ditentukan setiap tahun dan akan dibayar untuk Sijil tahunan. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Lebihan yang boleh diagih, sekiranya ada, lima puluh peratus (50%) daripadanya dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah (ganjaran), dan baki lima puluh peratus (50%) akan dikongsi antara para Peserta yang mana Sijil mereka belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa defisit daripada Dana tersebut, tidak akan ada pengagihan lebihan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, defisit akan dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan luar jangka. Sekiranya Dana tersebut masih defisit, Qard (pinjaman tanpa faedah) akan diatur. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar semula Qard. Jika lebihan adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), Kami akan mengkreditkan jumlah wang itu ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak para Peserta.

Pemohonan Anda untuk menyertai skim takaful ini sebagai Peserta telah Kami terima berdasarkan permohonan yang Anda telah tandatangani berserta segala maklumat yang diberikan kepada Kami. Sekiranya Anda tidak mengisi Borang Permohonan, penerimaan Kami adalah berdasarkan kenyataan fakta dan apa-apa maklumat lain yang Anda berikan kepada Kami. Sebagai Peserta, Anda akan menerima perlindungan takaful sekiranya berlaku kematian dan Hilang Upaya Kekal dan lain-lain Manfaat yang mungkin berlaku dalam Tempoh Takaful tertakluk kepada peraturan dan syarat kontrak takaful ini.

Kontrak takaful Anda terdiri daripada Borang Permohonan, Sijil ini dan Jadual. Anda harus menelitinya untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang Anda perlukan.

Skim takaful ini adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Satu keperluan akta ini ialah penubuhan Jawatankuasa Syariah untuk memberi nasihat kepada Kami supaya tidak terlibat dalam aktiviti yang ditegah oleh Syariah.

DEFINISI

Dana Takaful Am (Dana) bermaksud akaun Peserta di mana bahagian Tabarru' daripada Sumbangan dimasukkan bagi tujuan Takaful. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta dan Jumlah yang Dilindungi yang ditunjukkan di dalam Jadual Takaful adalah dibayar daripada Dana tersebut.

Jadual bermaksud Jadual Sijil di mana Manfaat dan Jumlah Yang Dilindungi dinyatakan.

Ju'alah ialah kontrak ganjaran. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkaitan dengan Sijil ini, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada Kami yang dipersetujui terlebih dahulu oleh Anda dan Kami bagi pengurusan Dana yang baik.

Kami bermaksud Etiqa General Takaful Berhad.

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan, atau **FMOS** bermaksud suatu badan bebas yang ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif selain mahkamah.

Peserta, Orang Yang Dilindungi, Anda bermaksud orang yang dinamakan di dalam Jadual.

Qard dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Kami kepada Dana Takaful Am apabila ia tidak mencukupi untuk menanggung kewajipan Takaful dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan oleh salah urus atau kecuaiannya Kami. Pinjaman tersebut akan dibayar semula menggunakan lebihan pada masa hadapan daripada Dana Takaful Am. Jika kekurangan tersebut disebabkan oleh salah urus atau kecuaiannya Kami, Kami akan membuat pemindahan secara langsung untuk kekurangan tersebut.

Sumbangan bermaksud apa-apa jumlah yang Kami tetapkan untuk Anda bayar di bawah Sijil ini dan termasuk caj-caj yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Tempoh Takaful bermaksud tempoh yang ditetapkan di dalam Jadual dan dalam tempoh ini Orang Yang Dilindungi bekerja dengan Peserta tetapi tidak termasuk tempoh apabila Orang Yang Dilindungi pulang ke negara asal. Perlindungan tamat sebaik sahaja Orang yang Dilindungi meninggalkan Malaysia dan berkuatkuasa semula apabila kembali ke Malaysia. Had wilayah bagi Sijil ini adalah di dalam Malaysia sahaja.

Tabarru' bermaksud sumbangan, derma atau hadiah. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

Wakalah adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Anda telah melantik Kami untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am bagi pihak Anda. Anda juga memberikan kuasa kepada Kami untuk mewakili hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Kami. Sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap Anda.

Penyakit Berjangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:

- bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakterium, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak,
- cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, carajangkitan cecair badan, carajangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
- penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta.

Penyakit Berjangkit merangkumi istilah Penyakit Boleh Pindah dan bermaksud sebarang penyakit yang boleh berjangkit daripada manusia, haiwan, spesies, atau organisma yang dijangkiti kepada orang lain melalui sebarang cara. Penyakit berjangkit tertentu boleh mengakibatkan wabak yang boleh diisytiharkan sebagai Kecemasan Kesihatan Awam bagi Kebimbangan Antarabangsa (PHEIC) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

SEKSYEN 1 – KEMALANGAN DIRI

Sekiranya dalam tempoh Takaful, Orang Yang Dilindungi mengalami kecederaan akibat kemalangan yang nampak jelas yang menyebabkan kematian atau hilang upaya sebagaimana yang disebut di dalam Jadual Manfaat, maka Pengendali Takaful akan membayar ganti rugi kepada Peserta dan/atau Orang Yang Dilindungi atau kepada wakil yang sah sekiranya berlaku kematian, sejumlah wang sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat atau endorsemen padanya di dalam Sijil Perlindungan ini.

- Sebanyak RM 20,000.00 untuk kematian akibat kemalangan.
- Sebanyak RM 20,000.00 untuk Hilang Upaya Kekal yang berlaku di dalam masa dua belas (12) bulan daripada tarikh kemalangan atau yang bersamaan dengan kadar jumlah yang dipersetujui di dalam Jadual Manfaat Hilang Upaya Kekal bagi kehilangan sebahagian daripada anggota.
- Jumlah sebenar bayaran perubatan untuk rawatan sebagai pesakit dalam termasuk harga ubat dan kos penggunaan peralatan sehingga maksimum RM 2,000.00 setelah ditolak akses sebanyak RM 200.00 untuk setiap satu tuntutan.

PERUNTUKAN KHAS SEKSYEN 1

- Hilang satu anggota badan atau bahagiannya bererti kehilangan secara amputasi anggota fizikal atau kehilangan penggunaan anggota secara menyeluruh dan kekal.
- Jumlah keseluruhan tidak melebihi jumlah yang boleh dibayar bagi Hilang Upaya Kekal akibat kecederaan pada lebih daripada satu bahagian anggota akibat kecederaan pada keseluruhan anggota badan atau bahagiannya.
- Bayaran hanya akan dibuat sama ada di bawah Manfaat (a) atau (b) dan tidak kedua-duanya.
- Manfaat maksimum yang boleh dibayar di bawah (a) dan (b) ialah RM 20,000.00.

SYARAT KHAS SEKSYEN 1

- Takaful ini tidak terpakai bagi Orang Yang Dilindungi yang telah mencapai umur enam puluh lima (65) tahun.
- Notis bertulis hendaklah diberi kepada Pengendali Takaful jika berlaku kemalangan pada Orang Yang Dilindungi yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Seksyen ini dalam masa sepuluh (10) hari selepas kemalangan.
- Segala laporan, sijil dan maklumat yang diperlukan oleh Pengendali Takaful hendaklah diberikan oleh Peserta. Orang Yang Dilindungi hendaklah dari semasa ke semasa menjalani pemeriksaan kesihatan seperti yang diperlukan berkaitan dengan sesuatu tuntutan dan perbelanjaan pemeriksaan tersebut adalah ditanggung oleh Pengendali Takaful.
- Sekiranya berlaku kematian yang mana terdapat keraguan yang munasabah ke atas sebab kematian, seorang pengamal perubatan yang layak yang dilantik oleh Pengendali Takaful dibenarkan membuat pemeriksaan *'post-mortem'* ke atas mayat Orang Yang Dilindungi dan perbelanjaan tersebut akan ditanggung oleh Pengendali Takaful.
- Syarat Am 6 tidak boleh digunapakai untuk (a), (b) dan (c) di dalam Seksyen ini.
- Seksyen ini tidak boleh diserahkan hak dan pembayaran bagi mana-mana Manfaat di bawah Seksyen ini hanya boleh dibayar kepada Orang Yang Dilindungi atau warisnya di mana penerimaannya adalah pelepasan kepada Pengendali Takaful.

PENGECUALIAN SEKSYEN 1

- Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat di bawah Sijil ini yang berpunca atau disebabkan oleh/daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:
 - Apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau pendedahan yang disengajakan kepada bahaya (melainkan dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan;
 - Kesan atau pengaruh (sementara ataupun kekal) alkohol atau ketagihan dadah atau dadah yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan berdaftar, penyakit yang dijangkiti melalui hubungan seks, tidak siuman atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS);
 - Kehamilan, bersalin, keguguran atau pengguguran anak;
 - Mendaki batu, mendaki gunung (yang memerlukan penggunaan tali atau jurupandu), menyelam, terjun udara, payung terjun, polo, lumba

berhalang, perburuan binatang liar, atau apa-apa jenis perlumbaan selain berjalan kaki;

- e) Menaiki penerbangan sebagai anak kapal atau di dalam mana-mana pesawat udara bagi tujuan apa-apa operasi perdagangan atau teknikal di dalamnya atau di atasnya, perjalanan udara melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam mana-mana pesawat udara berkuasa yang diiktiraf dan berlesen sewajarnya yang dibina untuk membawa penumpang;
- f) Menunggang motosikal, skuter bermotor, basikal berenjin, basikal kayuh yang dibantu secara mekanikal (sama ada sebagai pemandu atau penumpang) untuk tujuan sosial, riadah, sukan, pameran, pertandingan; atau
- g) Gangguan seksual yang dilakukan oleh Peserta atau pun keluarganya.

SEKSYEN 2 – PERBELANJAAN PENGHANTARAN BALIK

Tertakluk kepada terma-terma seksyen ini, Pengendali Takaful akan membuat bayaran kepada Peserta bagi perbelanjaan yang dikenakan bagi menghantar balik Orang Yang Dilindungi tersebut (seperti yang didefinisikan di bawah) dan tidak melebihi RM 5,000.00 sekiranya dalam Tempoh Takaful, Orang Yang Dilindungi meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal atas apa jua sebab dan berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan.

Pembayaran apa-apa tuntutan di bawah Seksyen ini akan dibuat secara pembayaran balik kos sebenar dan munasabah yang ditanggung semasa menghantar Orang Yang Dilindungi pulang ke negara asalnya.

DEFINISI SEKSYEN 2

Perbelanjaan penghantaran pulang dianggap sebagai caj munasabah yang ditanggung untuk:

1. Membawa Orang Yang Dilindungi ke negara asalnya akibat kecederaan badan atau penyakit yang mengakibatkan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.
2. Pengebumian atau pembakaran mayat Orang Yang Dilindungi di tempat berlakunya kematian dan/atau membawa mayat atau abu ke negara asal Orang Yang Dilindungi.

Hilang Upaya Kekal bermaksud apa-apa bentuk hilang upaya kekal yang menyebabkan Orang Yang Dilindungi tidak boleh melaksanakan tugas dan fungsi normal apa-apa jenis pekerjaan langsung seumur hidupnya secara berterusan dan tanpa henti bagi tempoh sekurang-kurangnya 6 (enam) bulan.

SEKSYEN 3 – PERBELANJAAN HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN

Kami akan membayar kepada Peserta perbelanjaan yang berkaitan dengan hospital, perubatan atau pembedahan, fi dan caj rumah penjagaan dan kejururawatan yang perlu ditanggung sebagai pesakit dalam termasuklah semua kos ubat-ubatan dan penggunaan kelengkapan diagnosis serta rawatan pesakit luar kemudiannya yang berkaitan dengan kemasukan ke hospital sahaja yang perlu ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi dengan syarat perbelanjaan tersebut ditanggung di Malaysia.

Dengan syarat:

1. Perbelanjaan itu ditanggung berkaitan dengan rawatan atau perkhidmatan yang dijalankan dan disyorkan oleh hospital yang berlesen dan berdaftar hanya pada kadar kelas 3 biasa atau kelas 2 sekiranya tiada wad kelas 3.
2. Perbelanjaan itu disebabkan oleh penyakit atau sakit atau kecederaan badan akibat kemalangan yang dialami dan ditanggung dalam Tempoh Takaful berkaitan dengan Orang Yang Dilindungi.
3. Gejala atau komplikasi serangan berulang yang timbul daripada punca yang sama akan dianggap sebagai satu penyakit atau kecederaan badan.
4. Liabiliti pihak pengendali Takaful bagi Tempoh Takaful tidak akan melebihi had liabiliti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

PENGECUALIAN AM

Kami tidak akan menanggung rugi Peserta dan/atau Orang Yang Dilindungi terhadap:

1. Apa-apa tindakan untuk pampasan yang dimulakan oleh mana-mana Mahkamah Undang-undang di mana-mana wilayah di luar Malaysia;
2. Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) dan/atau apa-apa penyakit berkaitan HIV termasuk Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan/atau Kerumitan Berkaitan AIDS (ARC), dan/atau sebarang terbitan mutan, ubahan atau rawatan walau bagaimana sekali pun sindrom itu diperolehi atau dinamakan;
3. Kematian atau hilang upaya langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau diakibatkan oleh atau timbul daripada:
 - i) Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan kepada mana-mana harta mana pun atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan mana pun akibat atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau diakibatkan oleh atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada sebarang radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses proses pembelahan nuklear kekal diri.
 - ii) Apa-apa kerugian kemalangan, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear.
 - iii) Mana-mana "tindakan nuklear, kimia, keganasan biologi" (seperti yang ditakrifkan di bawah) tanpa mengira apa-apa sebab atau Kejadian lain yang menyumbang atau dalam mana-mana turutan lain kepada kerugian tersebut.

Untuk tujuan pengecualian ini:

"Keganasan nuklear, kimia, biologi" bermaksud penggunaan sebarang senjata nuklear atau peranti atau pengeluaran, pelepasan, penyebaran, pelepasan, atau melarikan diri daripada mana-mana ejen kimia pepejal, cecair atau gas dan/atau agen biologi dalam tempoh takaful ini oleh mana-mana orang atau kumpulan (kumpulan) orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan atau sebab-sebab politik, agama atau ideologi termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam berada dalam ketakutan.

Ejen "Kimia" bermaksud mana-mana sebatian yang apabila disebarkan sesuai, menghasilkan kesan melumpuhkan, merosakkan atau membawa maut kepada manusia, haiwan, tumbuhan atau harta material.

Ejen "biologi" bermaksud sebarang patogen (penyakit yang menghasilkan) mikro-organisma dan/atau toksin yang dihasilkan secara biologi termasuk organisma yang diubahsuai secara genetik dan kimia mensintesis toksin yang menyebabkan penyakit dan/atau kematian pada manusia, haiwan atau tumbuh-tumbuhan.

4.
 - i) Peperangan, serangan, tindakan musuh luar negeri, operasi permusuhan atau operasi sedia perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak);
 - ii) Perang saudara, dahagi, huru hara awam yang membawa kepada perkadaran atau meningkat ke tahap pemberontakan awam, pemberontakan tentera, penderhakaan, pemberontakan, revolusi, pengkomplotan kuasa tentera atau perampasan kuasa;
 - iii) Undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana Kejadian atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan; atau
 - iv) Sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan sesuatu organisasi dengan aktiviti-aktiviti bertujuan menggulingkan secara paksa sesuatu kerajaan *de jure* atau *de facto* atau ke arah mempengaruhi perkara ini melalui tindakan menakut-nakutkan atau keganasan.

Untuk tujuan ini **tindakan penganas** bermaksud tindakan atau perbuatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau keganasan dan/atau ancaman, oleh mana-mana orang atau sesebuah kumpulan, samada bertindak bersendirian atau bagi pihak sesebuah organisasi atau kerajaan, untuk tujuan politik, agama, ideologi atau sebarang tujuan yang berkaitan termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan orang awam atau sebahagian darinya dalam ketakutan.
5. Apa-apa Penyakit Berjangkit yang diisytiharkan sebagai PHEIC oleh WHO atau ketakutan atau ancaman (sama ada sebenar atau ditanggap) terhadap Penyakit Berjangkit. Ini akan terpakai kepada tuntutan yang dibuat selepas tarikh mana-mana pengisytiharan sedemikian, selain daripada diagnosis yang berkaitan telah dibuat oleh pengamal perubatan bertauliah sebelum tarikh mana-mana pengisytiharan tersebut dan akan terus digunakan sehingga WHO membatalkan atau menarik balik mana-mana PHEIC yang berkaitan.

SYARAT-SYARAT AM

1. TAFSIRAN

Sijil ini dan Jadual hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau ungkapan yang telah diberikan makna tertentu dalam mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadual akan membawa makna tersebut di mana sahaja ia digunakan.

2. PEMATUHAN

Liabiliti Pengendali Takaful tertakluk kepada pematuhan Terma Sijil ini oleh Peserta dan Orang Yang Dilindungi.

3. TINDAKAN MENCEGAH

Peserta dan Orang Yang Dilindungi hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kemalangan dan penyakit.

4. SYARAT TUNTUTAN

a) Pemberitahuan Kemalangan

Semua tuntutan hendaklah dibuat kepada Kami oleh Anda atau melalui Anda atau wakil sah anda, dalam masa tiga puluh (30) hari dari Kematian atau apa-apa kecederaan yang boleh menyebabkan tuntutan di bawah Sijil ini.

b) Dokumentasi

Semua laporan perubatan, Sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami untuk menyokong tuntutan, perlu disediakan atas perbelanjaan Anda atau atas perbelanjaan mana-mana pihak menuntut jika berlaku kematian Orang Yang Dilindungi. Orang Yang Dilindungi mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut yang diperlukan oleh Kami atas perbelanjaan Kami. Jika berlaku tuntutan kematian Orang Yang Dilindungi, Kami memerlukan sijil kematian dan mungkin memerlukan laporan post-mortem atas perbelanjaan Anda.

Tuntutan tidak dianggap lengkap dan Manfaat-manfaat yang layak tidak akan dibayar kecuali semua laporan perubatan, sijil maklumat dan bukti yang diperlukan telah dikemukakan kepada Kami. Dalam kes tuntutan Manfaat yang berkaitan dengan pembayaran balik perubatan, hanya kos sebenar yang ditanggung, yang perlu dari segi perubatan, boleh dipertimbangkan untuk pembayaran balik tertakluk kepada penyerahan resit asal.

Apa-apa perubahan kepada keperluan dokumentasi adalah di atas budi bicara Kami.

c) Penyelesaian Tuntutan

- i) Kami akan membayar apa-apa Manfaat kena dibayar di bawah Sijil ini kepada Anda atau sekiranya Anda meninggal dunia, kepada penama Anda atau pelaksana undang-undang atau pentadbir mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- ii) Pembayaran tuntutan di bawah Sijil ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syaratnya oleh Anda, dan setakat mana ia terpakai, oleh Orang Yang Dilindungi atau mana-mana pihak menuntut yang lain.
- iii) Jika berlaku kemalangan yang menimbulkan suatu tuntutan di mana kami membuat bayaran di bawah Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal seperti yang dinyatakan dalam Sijil ini, Kontrak Sijil ini selepas itu hendaklah tamat bagi kepada Orang Yang Dilindungi.

5. TAKAFUL LAIN

Sekiranya pada masa berlakunya apa-apa kecederaan badan atau liabiliti yang dilindungi dalam sijil ini terdapat apa-apa Takaful lain yang berkuatakuasa sama ada yang diambil oleh Peserta atau oleh mana-mana orang lain yang melindungi kecederaan badan atau liabiliti tersebut, maka pihak Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada bahagian kadarannya bagi kecederaan badan atau liabiliti tersebut.

6. FAEDAH DAN MATAWANG

Semua bayaran di bawah Sijil Takaful ini perlu dibayar mengikut Ringgit Malaysia.

7. PENAMATAN SIJIL

a) Penamatan oleh Anda

Sekiranya Anda memberi notis secara bertulis kepada Kami untuk menamatkan Sijil ini, penamatan tersebut akan berkuatakuasa pada tarikh notis tersebut diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis, mana-mana yang terkemudian. Kami akan membayar balik bahagian premium yang belum tamat Tempoh Takaful secara pro-rata, dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Takaful tersebut.

b) **Penamatan Sijil Secara Automatik**

Sijil ini akan tamat:

- i) Selepas Orang Yang Dilindungi meninggal dunia;
- ii) Apabila kontrak pekerjaan tamat antara Peserta dan Orang Yang Dilindungi yang namanya dinyatakan dalam Jadual; atau
- iii) Dari tarikh Surat Pelepasan Jabatan Imigresen yang akan dianggap sebagai membatalkan Sijil ini, mana-mana yang terdahulu.

c) **Penamatan Oleh Kami**

Kami berhak untuk memberi notis penamatan (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) melalui pos berdaftar kepada Anda di alamat Anda yang terakhir atau melalui mel elektronik. Penamatan tersebut akan berkuatkuasa selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh notis. Kami akan membayar balik bahagian premium yang belum tamat Tempoh Takaful secara pro-rata, dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Takaful tersebut.

d) **Penamatan Berkuatkuasa**

Sijil ini akan tamat pada 12:01 pagi waktu Malaysia pada tarikh penamatan berkenaan.

8. TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Syarat penting dan mutlak bagi Sijil ini ialah bahawa sumbangan penuh hendaklah di bayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan Takaful di bawah Sijil, Endorsemen atau Pembaharuan, boleh berkuatkuasa mengikut cara pembayaran yang telah Anda pilih seperti dinyatakan di bawah. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, maka Sijil ini tidak akan berkuatkuasa dan menjadi batal.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Takaful ini.

9. KLAUSA HAD SEKATAN

Sijil Takaful ini tidak akan memberikan perlindungan dan Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah Sijil ini terhadap peruntukan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan atau peruntukan Manfaat sedemikian akan mendedahkan Pengendali Takaful kepada sebarang sekatan, larangan atau halangan di bawah Akta Sekatan Komprehensif Iran, Pelepasan dan Akuntabiliti (CISAD) atau Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan ekonomi atau perdagangan, undang-undang atau peraturan-peraturan daripada Kesatuan Eropah atau United Kingdom.

10. HAK UNTUK MENAMATKAN KERANA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

Jika Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Sijil dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan Sijil melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

11. PENAMAAN

Sekiranya Anda adalah Peserta atau Orang Yang Dilindungi, Anda boleh menamakan seorang individu untuk menerima Manfaat Takaful yang akan dibayar sekiranya Anda meninggal dunia, sama ada sebagai Wasi atau Benefisiari dibawah Hibah Bersyarat; atau

Penamaan boleh dibuat:

- a) Semasa permohonan dibuat; atau
- b) Dengan Memaklumkan kepada Kami secara bertulis.

Anda boleh menentukan bahagian pengagihan untuk dibayar kepada setiap Penama. Sekiranya tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar Penama-penama secara sama rata.

Sekiranya terdapat lebih daripada seorang Penama dan mana-mana Penama yang telah dinamakan sebagai Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Anda, Kami akan membayar bahagian Penama yang meninggal dunia tersebut, apabila Anda meninggal dunia kepada harta pusaka Anda kecuali Anda telah menamakan Penama yang lain selepas kematian Penama tersebut.

Penamaan Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat hendaklah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kesan terhadap pemindahan hak terhadap Manfaat Takaful yang akan dibayar apabila berlakunya kematian Peserta kepada Penama. Pemindahan Manfaat Takaful tersebut tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Peserta, atau tertakluk kepada hutang mereka.

Tanggungjawab Wasi yang dinamakan

Sekiranya Penama dilantik sebagai Wasi, bahagian setiap Wasi akan ditetapkan di dalam Borang Penamaan Wasi.

Bagi Peserta beragama Islam, Wasi perlu mengagihkan Manfaat Takaful tersebut seperti yang dinyatakan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, undang-undang Islam dan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka Peserta yang meninggal dunia.

Bagi Peserta yang bukan beragama Islam, Wasi perlu mengagihkan Manfaat Takaful mengikut wasiat Peserta yang meninggal dunia dan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka Peserta.

Sekiranya pada masa tuntutan, seorang Wasi telah meninggal dunia sebelum Peserta, peratusan bagi Wasi yang meninggal dunia akan diagihkan sama rata antara Wasi yang masih hidup, yang akan bertindak sebagai Wasi untuk mengagihkan manfaat tersebut.

Hak untuk membatalkan penamaan

Penamaan akan dibatalkan:

- a) Apabila semua Penama-penama meninggal dunia semasa Anda masih hidup;
- b) Melalui notis bertulis daripada Anda kepada Kami; atau
- c) Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Anda kepada Kami.

Penamaan tidak akan terbatal melalui wasiat atau melalui sebarang tindakan, peristiwa atau cara-cara lain.

12. Perubahan kepada Percukaian, Peraturan dan Perundangan

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Sijil ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil ini perlu diubah.

JADUAL MANFAAT

Seksyen	Manfaat	Jumlah Yang Dilindungi (RM)
Seksyen 1	Kemalangan Diri: a) Kematian akibat Kemalangan b) Hilang Upaya Kekal c) Perbelanjaan Perubatan (Akses: RM 200)	20,000 20,000 Sehingga 2,000
Seksyen 2	Perbelanjaan Penghantaran Balik	Sehingga 5,000
Seksyen 3	Perbelanjaan Hospital & Pembedahan	Sehingga 2,500

Jadual Manfaat Hilang Upaya Kekal

Keterangan Hilang Upaya	Peratusan Daripada Jumlah Yang Dilindungi
Hilang kedua-dua belah kaki	100%
Lumpuh seluruh badan	100%
Hilang kedua-dua belah tangan atau putus kesemua jari termasuk ibu jari	100%
Kecederaan yang menyebabkan terlanjar kekal di katil	100%
Hilang satu lengan: a) di bahu b) antara bahu dan siku c) di siku d) antara siku dan pergelangan tangan	100% 100% 100% 100%
Hilang tangan di pergelangan tangan	100%
Hilang empat jari dan ibu jari daripada satu tangan	50%
Hilang empat jari	50%
Hilang kaki: a) di pinggul b) antara lutut dan pinggul c) di bawah lutut	100% 100% 100%
Mata: a) Hilang pandangan seluruhnya kedua-dua mata b) Hilang kedua-dua mata c) Hilang pandangan seluruhnya sebelah mata d) Hilang sebelah mata	100% 100% 50% 50%
Hilang pendengaran kedua-dua belah telinga	75%

Hilang upaya kekal penggunaan sesuatu anggota akan dikira sebagai hilang keseluruhan anggota berkenaan.

Jumlah agregat keseluruhan bayaran untuk setiap satu kemalangan tidak boleh melebihi 100%.

KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:

Etika General Takaful Berhad
Level 13, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etika Online: 1300 13 8888
E-mel: info@etika.com.my
Laman Web: www.etika.com.my
3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, sila hubungi Pembantu Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan
Etika General Takaful Berhad
Level 6, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
E-mel: complaint_cmu@etika.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA FMOS

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Kami terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Kami untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi FMOS melalui:

Nombor Telefon: +603 2272 2811

atau

Alamat Pos:
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat FMOS.

FMOS perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad daripada Kami berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai FMOS, sila dapatkan risalah maklumat daripada Kami atau layari laman web FMOS di www.fmos.org.my.

Penglibatan FMOS adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi FMOS tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kami sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh FMOS.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK

Mana-mana Peserta atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Pengendali Takaful boleh mengemukakan pertanyaan, aduan, atau maklum balas kepada BNMLINK.

Butiran perhubungan adalah seperti berikut:

BNMLINK
4th Floor, Podium Bangunan AICB
No. 10, Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: 1 300 88 5465
Nombor Faksimile: +603 2174 1515
BNMLINK Portal: bnm.gov.my/BNMLINK